

NAFKAH IBU BAPA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Oleh:

Ahmad Syakir b. Mohd Nassuruddin¹

Abstrak

Ibu bapa adalah merupakan anugerah yang tidak ternilai kepada anak-anak. Adalah menjadi kewajipan kepada anak-anak untuk memenuhi segala hak dan tanggungjawab yang wajib ditunaikan sama ada pertuturan mahupun perbuatan termasuklah pembiayaan nafkah kepada mereka. Tindakan mengabaikan nafkah pasti akan mengundang kemurkaan daripada Allah S.W.T. Berdasarkan kajian yang dijalankan, objektif utama ialah menjelaskan kedudukan nafkah ibu bapa menurut Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan tanpa melibatkan kajian secara lapangan. Hasil kajian mendapati kewajipan membiayai nafkah ibu bapa adalah kewajipan bersandarkan kepada syarak. Walau bagaimanapun, kewajipan ini tertakluk kepada dua syarat iaitu ibu bapa adalah dalam kalangan fakir serta anak-anak hendaklah berkemampuan. Sekiranya tidak menepati syarat tersebut, Islam menyediakan alternatif bantuan kepada ibu bapa melalui harta pusaka, wakaf, baitulmal, zakat dan sedekah.

Kata kunci: *Nafkah, Ibu Bapa, Keluarga, Tanggungjawab*

DEFINISI NAFKAH

Nafkah merupakan salah satu daripada kalimah bahasa Arab iaitu نفقة membawa maksud mati.² Dari sudut bahasa, nafkah adalah kata nama daripada kalimah الانفاق yang membawa erti الاخراج iaitu mengeluarkan.³ Al-Marbawī mengertikan nafkah sebagai barang yang dibelanjakan

¹ Ahmad Syakir b. Mohd Nassuruddin, pensyarah Jabatan Al-Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

² Ibnu Manẓūr, (1988), Lisān al-Arab, j. 2, Bayrūt : Dār Ihya' Turath `Arabī, h. 242.

³ Maḥmūd Abd al-Raḥmān Abd al-Mun'in, (t.t), Mu'jam al-Muṣṭalahāt al-Fiqhiyyah, j. 3, al-Qāherah : Dār al-Faḍīlah, h. 434.

daripada duit⁴ atau menafkahkan rezeki.⁵ Maḥmūd pula mendefinisikan nafkah sebagai harta yang diberikan kepada individu-individu tertentu atau kaum keluarga atau dijalan Allah S.W.T.⁶

Dalam Kamus Dewan, perkataan nafkah membawa maksud perbelanjaan yang wajib dibelanjakan kepada individu yang ditanggung meliputi wang, makanan, tempat tinggal dan lain-lain.⁷ Dalam beberapa kamus kontemporari mengatakan bahawa nafkah lebih sinonim kepada nafkah suami isteri.⁸ Walau bagaimanapun, nafkah boleh bersifat umum dan merangkumi semua pihak yang ditanggung termasuklah anak-anak dan juga ibu bapa.

Nafkah pada pandangan syarak tidak jauh beza daripada maksud asal kalimah. Ulama fiqh mempunyai pelbagai definisi yang tersendiri. Namun, kesemua definisi yang diberikan kembali kepada konsep asas yang sama. Menurut pandangan Ulama Mālikī, nafkah ialah apa yang diperlukan oleh manusia menurut kebiasaan mereka.⁹ Ulama Ḥanafī pula mendefinisikan nafkah ialah sesuatu pemberian daripada apa yang dimiliki.¹⁰ Ulama Shāfi'ī memberikan makna nafkah ialah suatu pemberian yang baik diberikan kepada seseorang mengikut kadar kemampuannya. Bagi Ulama Ḥanbali, kalimah nafkah adalah pemberian secara cukup daripada roti, lauk, pakaian dan tempat tinggal.¹¹ Daripada definisi-definisi yang dinyatakan di atas, dapat disimpulkan bahawa definisi yang diberikan oleh *Fuqaha* lebih cenderung mengikut konteks masa dan tempat Ulama tersebut. Walau bagaimanapun, maksud

⁴ Aḥmad al-ʿĀyid et al (t.t), *al-Muʿjam al-ʿArabiyy al-Asāsī, Lārūs al-Manẓimah al-ʿArabiyyah Li Tadribiyyah wa al-Thaqāfah wa al-ʿUlūm*, h. 1219.

⁵ Muḥammad Idrīs Abd al-Rauf al-Marbawī (1998), *Kamus Idris al-Marbawī*, Kuala Lumpur: Dār al-Nuʿmān, h. 336.

⁶ Maḥmūd Abd al-Raḥmān Abd al-Munʿin (t.t), *Muʿjam al-Muṣṭalahāt al-Fiqhiyyah*, j. 3, al-Qāherah: Dār al-Faḍīlah, h. 434.

⁷ Teuku Iskandar et al (2007), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1064.

⁸ Atabk Ali dan Ahmad Zuhdi Muhdlor (1996), *Kamus Kontemporer Arab – Indonesia*, Yogyakarta, Yayasan Ali Maksum Pondok Pesantren Krapyak, h. 1934.

⁹ Abī Abdullah Muḥammad al-Anṣārī al-Raṣāʿ (1993), *Syarḥ Hudūd Ibn ʿArafah al-Mausūm al-Hidāyah al-Kāfiyah al-Shāfiyah li Bayān Haqāiq al-Imām Ibn ʿArafah al-Wāfiyyah*, ed. Muḥammad Abū al-Ajḥān dan al-Ṭāhir al-Maʿmurui, j. 1, Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, h. 321.

¹⁰ Abī Muḥammad Maḥmūd al-ʿAinī (1990), *al-Bināyah fī Syarḥ al-Hidāyah*, ed. Muḥammad Umar al-Shihir bi Nāṣir al-Islām al-Rāmfūrī, j. 5, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 489.

¹¹ Maṣṣūr b. Yunus b. Idris al-Buhūtī (2000), *Syarḥ al-Muntahā al-Iradāt Daqāiq Ūlā al-Nuhā li Syarḥ al-Muntahā*, ed. ʿAbd Allah bin Abd Muḥsin al-Turkī, j. 5, Bayrūt: Muassasah al-Risālah, h. 649.

sebenarnya adalah jelas iaitu pemberian kepada isteri, anak-anak, ibu bapa, kaum kerabat dan lain-lain. Dalam konteks semasa, pemilihan definisi yang tepat tidaklah bergantung kepada *tarjih* antara Fuqaha sebagaimana dalam kajian-kajian lepas,¹² namun kefahaman terhadap definisi nafkah hendaklah bersifat menyeluruh dan sesuai mengikut peredaran zaman. Oleh itu, didapati bahawa kesemua definisi terbabit adalah saling melengkapi antara satu sama lain melangkaui keempat-empat mazhab. Mereka meletakkan asas nafkah yang sama iaitu nafkah bergantung kepada *uruf* setempat dan zaman masing-masing.

Kesimpulannya nafkah ialah sesuatu yang dikeluarkan oleh seseorang untuk keperluan dirinya, keluarga dan lain-lain yang merangkum keperluan asasi mengikut kadar kemampuan masing-masing.¹³ Apabila istilah nafkah ditujukan kepada ibu bapa, maka nafkah ibu bapa diertikan sebagai keperluan asasi yang wajib diberikan kepada ibu bapa ketika mereka mampu bekerja ataupun tidak merangkumi makanan, pakaian, tempat tinggal, perlindungan ekonomi, perubatan dan lain-lain.¹⁴ Kewajipan ini berasaskan kepada hak dan tanggungjawab sebagai seorang anak kepada ibu bapa.

HUKUM DAN DALIL PENSYARIATAN NAFKAH

Ulama telah sepakat mengatakan hukum nafkah ibu bapa adalah wajib ke atas anaknya sama ada lelaki dan perempuan ketika memerlukan atau ketika berhajat.¹⁵

¹² Aḥmad Muḥammad Namir Abū 'Arjah (2009). *Man lā Tajīb Lahum al-Nafqah fī al-Fiqh al-Islāmī wa Taṭbīqātuha fī al-Maḥākīm al-Shar'īyyah fī Qiṭa' al-Ghazzah*, Tesis Ma. Universiti Islam Gaza, h. 15.

¹³ Haji Dusuki Haji Ahmad (2012), *Kamus Pengetahuan Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 630.

¹⁴ Aḥmad Muḥammad Namir Abū 'Arjah (2009). *Man lā Tajīb Lahum al-Nafqah fī al-Fiqh al-Islāmī wa Taṭbīqātuha fī al-Maḥākīm al-Shar'īyyah fī Qiṭa' al-Ghazzah*, Tesis Ma. Universiti Islam Gaza, h. 15.

¹⁵ 'Alā' al-Dīn Abī Bakar b. Mas'ūd al-Kāsānī, (1986), *Badāi' al-Ṣanāi' fī Tarṭīb al-Sharāi'*, j. 4, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 30. Muḥammad al-Kharshī Abū Abd Allah (1899), *Al-Kharshī 'alā Mukhtaṣṣar Sayyidī al-Khalil*, j. 4, Miṣr: Maṭba'ah al-Kubrā al-Emiriyyah bi Būlaq, h. 204. Abī Ishāq Ibrāhīm b. 'Alī b. Yūsuf al-Firūzābādī al-Shīrāzī (1995), *Al-Muḥaddhab fī Fiqh Imām al-Shāfi'ī*, ed. Zakariyā 'Amīrat, j. 3, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 158. Abī Muḥammad 'Abd Allah b. Aḥmad b. Muḥammad b. Qudāmah al-Maqdisī (1997), *Al-Mughnī*, ed. 'Abd Allah b. 'Abd al-Muḥsin al-Turkī dan 'Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Ḥalw, j. 1, Riyāḍ: Dār 'Ālam al-Kutub, h. 373.

Antara dalil-dalil yang menjadi asas kewajipan oleh Ulama-Ulama ini adalah seperti berikut:

a) Al-Quran

Merujuk kepada nafkah ibu bapa, pemberian nafkah kepada mereka diiktiraf oleh Allah S.W.T pada kedudukan yang tinggi. Dalil yang menunjukkan keistimewaan ibu bapa di sisi Allah S.W.T ialah di dalam surah al-Nisa' ayat 36:

﴿وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ
بِالْجُنُبِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ
مُخْتَالًا فَخُورًا﴾

(Al-Nisa' 4:36)

Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah S.W.T dan janganlah kamu sekutukan Allah S.W.T dengan sesuatu apa jua, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri.

Di dalam ayat ini, Allah S.W.T meletakkan kedudukan ibu bapa pada tahap yang paling tertinggi selepas larangan daripada melakukan syirik kepada Allah S.W.T. Suruhan berbuat baik kepada ibu bapa kerana mereka yang melahirkan dan mengadakan anak-anak.¹⁶ Lafaz yang digunakan pada awal ayat ini adalah lafaz *amar* iaitu suruhan, Manakala suruhan yang dimaksudkan pula adalah berbentuk ¹⁷إِعْرَإُ menurut Imām Ṭabarī.¹⁸ Imam

¹⁶ Abī al-Fida' Ismā'il b. 'Umar b. Kathīr al-Qurashī al-Dimasyqī (1999), *Tafsīr al-Quran al-'Aẓīm*, ed. Sāmī b. Muḥammad al-salāmah, j. 2, Riyāḍ: Dār al-Tayyibah, h, 298.

¹⁷ Anjuran secara bersungguh-sungguh untuk melakukan.

¹⁸ Abī Ja'far Muḥammad b. Jarīr al-Ṭabarī (t,t), *Tafsīr al-Ṭabarī*, ed. Maḥmūd Muḥammad Shākir, j. 8, Qāherah: Maktabah Ibn Taimiyyah, h. 334.

al-Sa'dī pula menafsirkan kalimah *وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا* ialah penggunaan perkataan yang baik, panggilan yang lunak, taat apabila disuruh, tinggal apa yang dilarang dan memberikan nafkah kepada mereka.¹⁹ Selain itu, al-Qurṭubī menegaskan bahawa ayat ini menjadi salah satu dalil ketaatan terhadap mereka yang paling berhak ditaati selepas Allah S.W.T.²⁰

Terdapat dalil daripada al-Quran yang melarang keras anak-anak agar tidak menyakiti ibu bapa dan memberikan hak kepada mereka secara adil. Di dalam surah al-Isra' ayat 23:

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغَنَّ عَنْكَ
الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا
قَوْلًا كَرِيمًا﴾

(Al-Isra' 17:23)

Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).

Allah S.W.T mengiktiraf golongan ibu bapa yang sudah berumur khusus di dalam surah al-Isra' ayat 23 ini. Ketika ibu bapa sudah sampai ke umur yang lanjut dan tidak berupaya, mereka sangat memerlukan belaian kasih sayang daripada anak-anak.²¹ Ibnu Kathir di dalam tafsirnya meminta anak-anak menjauhi sebarang kata-kata yang tidak baik diucapkan kepada

¹⁹ `Abd al-Raḥmān b. Nāṣir a;-Sa'dī (t.t), *Taysīr al-Karīm al-Raḥmān fī Tafsīr Kalām al-Manān*, ed. Muḥammad Zuhūrī al-Najjār, j. 1, Jeddah: Dār al-Madani, h. 346.

²⁰ Abī `Abd Allah Muḥammad b. Aḥmad b. Abī Bakr al-Qurṭubī (2006), *Al-Jāmi' li Ahkām al-Quran*, ed. `Abd Allah b. `Abd al-Muḥsin al-Turkī, j. 6, Bayrūt: Muassasah al-Risālah, h. 302.

²¹ `Abd al-Raḥmān b. Nāṣir al-Sa'dī (t.t), *Taysīr al-Karīm al-Raḥmān fī Tafsīr Kalām al-Manān*, ed. Muḥammad Zuhūrī al-Najjār, j. 1, Jeddah: Dār al-Madani, h. 103.

ibu bapa walaupun dengan perkataan “*ha*”.²² Di dalam perbincangan usul fiqh, ayat ini menjadi dalil kepada Ulama fiqh antaranya Imām Shāfi’i dan Imām Ḥanafī. Perbincangan al-dalālāt adalah untuk mengenali dalil-dalil nas ke atas hukum syarak. Mengikut pembahagian yang diberikan, ayat ini berbentuk mafhūm muwāfaqah²³ di sisi Imām Shāfi’i *dandalālah al-nas*²⁴ bagi Imām Ḥanafī.²⁵ Kedua-duanya bermaksud hukum syarak yang diketahui melalui lafaz yang disebut (*manṭūq*) dan yang didiamkan (*maskūt*) daripada nas.²⁶ Berdasarkan kepada kefahaman nas ini, mengungkapkan lafaz “*ha*” adalah haram, apatah lagi menyakiti atau tidak memberikan hak kepada ibu bapa melalui keperluan asasi merangkumi tempat tinggal, makanan, pakaian, perlindungan ekonomi dan sebagainya. Begitu juga dengan kegagalan membiayai nafkah kepada ibu bapa saat memerlukan juga adalah haram.²⁷ Hal ini kerana lafaz yang didiamkan (*maskūt*) oleh nas lebih utama daripada lafaz yang disebut (*manṭūq*).²⁸

Selain itu, dalam ayat berikutnya terdapat arahan daripada Allah S.W.T supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapa seperti mana di dalam surah Luqman ayat 15:

﴿وَإِنْ جَاهِدَاكَ عَلَىٰ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا
وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا ۖ وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ثُمَّ إِلَيَّ
مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ﴾

(Luqman 31:15)

Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan denganKu sesuatu yang engkau - dengan fikiran sihatmu - tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaulah

²² Abī al-Fida’ Ismāil b. ‘Umar b. Kathīr al-Qurashi al-Dimasyqī (1999), *Tafsīr al-Quran al-‘Aẓīm*, ed. Sāmī b. Muḥammad al-salāmah, j. 5, Riyāḍ: Dār al-Ṭayyibah, h. 64.

²³ Kefahaman secara tersurat.

²⁴ Metod analisis hukum melalui zahir nas.

²⁵ Muḥammad al-Khaḍarī Bik (1969), *Uṣūl al-Fiqh*, Miṣr: Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, h. 121-122.

²⁶ Wahbah al-Zuhailī (1999), *Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, Dimashq: Dār al-Fikr, h. 167.

²⁷ Muḥammad al-Khaḍarī Bik (1969), *Uṣūl al-Fiqh*, Miṣr: Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, h. 121

²⁸ Wahbah al-Zuhailī (1999), *Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, Dimashq: Dār al-Fikr, h. 167.

dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.

Al-Sa'dī menjelaskan bahawa, menjadi kewajipan anak-anak untuk berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan larangan untuk menaati mereka apabila disuruh untuk syirik kepada Allah S.W.T.²⁹ Kalimah *ma'rūf* di sisi Ibnu 'Āshūr bermaksud perkara kebaikan yang diketahui umum tanpa ada penyangkalan atau bantahan.³⁰ Kebaikan ini terpakai kepada ibu bapa Islam mahupun bukan Islam. Menurut Ibnu 'Āshūr lagi, sekiranya ibu bapa bukan Islam mengikut kebiasaan mereka meminum arak, maka menjadi kewajipan kepada anak-anak untuk membelikan arak kerana arak dibenarkan untuk orang bukan Islam.³¹

Penjelasan yang dinyatakan oleh Ibnu 'Āshūr membuktikan keprihatinan yang ditonjolkan oleh agama kepada ibu bapa bukan beragama Islam. Apatah lagi yang beragama Islam, menjadi keutamaan yang lebih untuk mencurahkan segala bakti dan pertolongan kepada ibu bapa.

Pergaulan secara baik sangat dituntut di dalam Islam sama ada ibu bapa beragama Islam ataupun tidak. Bentuk kebaikan yang dimaksudkan menyeluruh dari segenap aspek antaranya, hubungan kekeluargaan, bantuan kewangan, bantuan perubatan dan banyak lagi termasuklah pembiayaan nafkah kepada ibu bapa.

b) Hadis

Di dalam hadis, nafkah kepada ibu bapa menjadi antara subjek yang dibincangkan oleh para Ulama. Ada sebahagian Ulama meletakkan satu hadis dalam bab “pada membicarakan tentang pengambilan harta anak oleh ayah” sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizī.

Daripada Saidatina Aisyah berkata: Rasulullah S.A.W bersabda:

²⁹ Abd al-Rahmān b. Nāṣir a;-Sa'dī (t.t), *Taysīr al-Karīm al-Rahmān fī Tafsīr Kalām al-Manān*, ed. Muḥammad Zuhrī al-Najjār, j. 1, Jeddah: Dār al-Madani, h. 665.

³⁰ Muḥammad al-Ṭāhir Ibn 'Āshūr (1884), *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, j. 21, Tunisia: Dar al-Tūnisiyyah li Nashr, h. 161.

³¹ *Ibid.*

إن أطيب ما أكلتم من كسبكم ، وإن أولادكم من كسبكم

*Sebaik-baik makanan yang dimakan oleh seseorang adalah daripada hasil usahanya dan anak juga termasuk dalam hasil usahanya.*³²

Berdasarkan hadis yang nilai *hasan sahih* oleh Abū `Isā ini,³³ Al-Kashmīrī menyatakan bahawa, nafkah yang dimaksudkan adalah pada barang yang boleh diangkut atau dibawa (*manqūl*) bukan pada barang yang tetap (*ghairi al-manqūl*). Al-Kashmīrī menjelaskan lagi di dalam syarahnya, hadis ini menjadi dalil bahawa ayah berhak untuk mengambil harta anaknya bila-bila masa, manakala pendapat kedua pula menyatakan hanya ketika berhajat.³⁴

Dalam hadis lain, yang Rasulullah S.A.W bersabda:

أن رجلا قال : يا رسول الله إن لي مالا وولدا، وإن أبي يريد أن يحتاج مالي، فقال: أنت ومالك لأبيك

*Seorang lelaki berkata: Wahai Rasulullah, aku mempunyai harta dan anak, namun ayahku ingin mengambil harta aku. Rasulullah bersabda: Kamu dan semua harta kamu adalah milik ayahmu.*³⁵

Hadis ini menunjukkan bahawa, tanggungjawab kepada ibu bapa wajib disempurnakan walaupun mempunyai bebanan-bebanan yang lain seperti anak-anak dan sebagainya. Mengikut al-Khaṭṭābī, keseluruhan hadis ini memberi gambaran bahawa nafkah kepada ibu bapa adalah wajib

³² Hadis riwayat al-Tirmidhi, *Kitab al-Aḥkām*, Bab Mā Jāa Anna al-Wālid Ya'khudhu min Māl Waladihi, no Hadis 1358. Lihat Muḥammad Anwār Shah ibn Mu'azzam Shah al-Kashmīrī (2004), *Al-'Urfu al-Shaddhi Syarḥ Sunan al-Tirmidhi*, ed. Maḥmūd Shakir, j. 3, Bayrūt: Dār Iḥya' Turath 'Arabī, h. 84-85.

³³ Muḥammad Anwār Shah ibn Mu'azzam Shah al-Kashmīrī (2004), *Al-'Urfu al-Shaddhi Syarḥ Sunan al-Tirmidhi*, ed. Maḥmūd Shakir, j. 3, Bayrūt: Dār Iḥya' Turath 'Arabī, h. 84.

³⁴ *Ibid.*

³⁵ Hadis riwayat Ibn Mājah, *Kitab al-Tijārāt*, Bab Mā li al-Rajuli min Māl Waladihi, no Hadis 2291. Lihat Rāid bin Ṣabri Ibn Abī `Alafah (2007), *Shuruḥ Sunan Ibn Mājah*, Amman: Bait al-Afkār al-Dawliyyah, h. 884.

hanya ketika dalam keadaan memerlukan mengikut kadar keperluan mereka.³⁶

Berdasarkan kedua-dua hadis yang dinyatakan tadi, tidak ada pertembungan dalam kalangan ulama berkaitan kewajipan nafkah terhadap ibu bapa. Hanya terdapat sedikit perbezaan pendapat daripada sudut had kewajipan nafkah sama ada dalam keadaan darurat ataupun tidak antara ulama hadis. Al-Kashmīrī menjelaskan bahawa ayah berhak untuk mengambil harta anaknya bila-bila masa mengikut pendapat pertamanya.³⁷ Manakala al-Khaṭṭābī pula mewajibkan hanya ketika dalam keadaan memerlukan mengikut kadar keperluan mereka,³⁸ kewajipan ini juga diaplikasikan hanya ketika darurat mengikut pendapat al-Kashmīrī yang kedua.³⁹

Seterusnya, Rasulullah S.A.W. bersabda:

قدمت علي أُمي وهي مشركة في عهد رسول الله صلى الله عليه وسلم
فاستفتيت رسول الله صلى الله عليه وسلم قلت (إن أُمي قدمت) وهي
راغبة أفأصل أُمي قال نعم صلي أُمك

*Ibu aku telah mengunjungiku ketika zaman Rasulullah S.A.W dan beliau masih lagi kafir. Aku bertanya kepada Rasulullah S.A.W: Ibuku memohon sesuatu secara bersungguh-sungguh daripada aku, adakah aku boleh meneruskan hubungan baik dengan ibuku? Rasulullah menjawab: Ya, sambunglah hubungan baik dengan ibu kamu.*⁴⁰

³⁶Rāid b. Ṣabri Ibn Abī `Alafah (2007), *Shuruh Sunan Ibn Mājah*, Amman: Bait al-Afkār al-Dawliyyah, h. 884.

³⁷Muḥammad Anwār Shah ibn Mu`azzam Shah al-Kashmīrī (2004), *Al-`Urfu al-Shaddhi Syarḥ Sunan al-Tirmidhi*, ed. Maḥmūd Shakir, j. 3, Bayrūt: Dār Iḥyā' Turath `Arabī, h. 85.

³⁸Rāid b. Ṣabri Ibn Abī `Alafah (2007), *Shuruh Sunan Ibn Mājah*, Amman: Bait al-Afkār al-Dawliyyah, h. 884

³⁹Muḥammad Anwār Shah ibn Mu`azzam Shah al-Kashmīrī (2004), *Al-`Urfu al-Shaddhi Syarḥ Sunan al-Tirmidhi*, ed. Maḥmūd Shakir, j. 3, Bayrūt: Dār Iḥyā' Turath `Arabī, h. 85.

⁴⁰Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Hibah, Bab al-Hadiyyah li al-Mushrikīn wa Qawliḥi Ta`ālā (al-Mumtaḥanah: 8), Hadis no. 2620, Lihat Abī Abd Allah Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī (t.t), *Al-Jāmi` al-Ṣaḥīḥ*, ed. Muḥibbu al-Dīn al-Khaṭīb, j. 2, Qāherah: al-Maṭba`ah al-Salafiyyah wa Maktabuhā, h. 242.

Al-Karmānī menjelaskan di dalam syarahnya, permohonan secara bersungguh-sungguh ibu Asma' bermaksud permohonan kepada perkara kebaikan yang tidak dapat dipenuhi olehnya, lalu dipohon kepada anaknya iaitu Asma'.⁴¹ Manakala al-'Asqalānī pula menyatakan bahawa, hadis ini dijadikan hujah secara *istinbāt* tentang kewajipan untuk memberikan nafkah kepada ibu bapa yang berlainan agama walaupun anak mereka Islam.⁴² Berpandukan kepada hujah-hujah yang dinyatakan dalam ketiga-tiga hadis, dapat disimpulkan bahawa kewajipan untuk melaksanakan pemberian nafkah kepada ibu bapa adalah jelas sama ada dalam keadaan darurat⁴³ ataupun tidak serta keadaan Islam mahupun sebaliknya.

c) Ijma'

Berdasarkan kepada Ibnu Munzir, Ulama sepakat mengatakan bahawa nafkah kepada ibu bapa yang fakir, tidak berkemampuan dan tidak mempunyai harta diwajibkan ke atas anak-anak.⁴⁴

SYARAT-SYARAT NAFKAH IBU BAPA

Pembiayaan nafkah ke atas ibu bapa hendaklah memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh ulama. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan kepada penetapan syarat nafkah:

- a) Syarat pertama yang digariskan adalah ibu bapa dalam kalangan fakir miskin ataupun tidak mampu bekerja. Ulama Ḥanafī dan pendapat Shafī'ī secara zahir menyatakan bahawa syarat nafkah juga terpakai kepada ibu bapa yang mampu bekerja. Kedua-dua ulama ini berhujah, Allah menyuruh supaya melakukan "إِحْسَان" kepada kedua ibu bapa. *Iḥsān* yang dimaksudkan ini menyeluruh dan terpakai ketika ibu bapa susah dan senang.

⁴¹ Muḥammad b. Yūsuf al-Karmānī Shams al-Dīn (1937), *Al-Kawākib al-Darārī fī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muḥammad Muḥammad Abd al-Laṭīf, j. 11, Qāherah: Al-Maṭba'ah al-Bahiyyah al-Miṣriyyah, h. 145.

⁴² Aḥmad b. Alī b. Hajar al-'Asqalānī (2000), *Fath al-Bārī*, ed. Abd al-Qādir Shaibah al-Ḥamd, j. 5, Riyāḍ: Ṭaba' 'Ala Nafqah Ṣāhib al-Samiw al-Malakī, h. 277.

⁴³ Darurat bermaksud keadaan yang sangat mendesak kepada ibu bapa yang mengharuskan kepada mereka untuk mendapatkan pembiayaan nafkah daripada anak-anak.

⁴⁴ Abī Muḥammad 'Abd Allah b. Aḥmad b. Muḥammad b. Qudāmah al-Maqdisī (1997), *Al-Mughnī*, ed. 'Abd Allah b. 'Abd al-Muḥsin al-Turkī dan 'Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Ḥalw, j. 11, Riyāḍ: Dār 'Ālam al-Kutub, h. 348.

Ulama Maliki dan Ḥanbali pula menafikan syarat yang digunapakai oleh Ḥanafī dan Shafī'ī dengan hujah, pembiayaan nafkah kepada ibu bapa terbatal ketika mereka mampu bekerja. Hal ini kerana, kewajipan tersebut terbina atas sifat belas kasihan, kebaikan dan perhubungan. Sifat-sifat tersebut tidak boleh diaplikasikan apabila ibu bapa mempunyai kemampuan untuk bekerja.

- b) Syarat kedua adalah anak-anak hendaklah mempunyai lebih harta dan mampu bekerja. Lebih harta menjadi justifikasi kukuh pembiayaan nafkah kepada ibu bapa dan begitulah sebaliknya. Hujah ini didasari oleh hadis yang diriwayatkan oleh Abī Hurairah berkenaan susunan nafkah yang bermula diri sendiri, kemudian suami isteri, anak-anak dan seterusnya mengikut susunan yang telah diatur. Syarat ini disepakati oleh semua ulama kecuali Maliki, ulama Maliki berkata bahawa tidak wajib kepada anak-anak yang kesempitan untuk memberikan nafkah kepada ibu bapa beliau walaupun anak-anak mempunyai kerja.

Perbezaan yang terbit dalam perbincangan syarat pembiayaan nafkah ibu bapa hendaklah dinilai dari sudut positif. Kesemua hujah terbina berdasarkan nas yang jelas dan setiap hujah adalah saling menyokong antara satu sama lain. Kedua-dua syarat yang dinyatakan tadi boleh digunakan bersama walaupun terdapat perbezaan para fuqaha.

PERLINDUNGAN ISLAM TERHADAP IBU BAPA TANPA WARIS

Sekiranya waris yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal ibu bapa kesempitan atau meninggal dunia, Islam menyediakan beberapa instrumen bagi mengisi ruang yang ditinggalkan oleh waris. Antaranya baitulmal, harta pusaka, zakat, wakaf, dan sedekah. Huraianya adalah seperti berikut:

a) Baitulmal

Baitulmal dalam Islam adalah sebuah institusi harta yang berperanan mengumpulkan sumber-sumber yang pelbagai, diurus dan diagihkan sumber tersebut kepada pihak yang berhak menerimanya.⁴⁵ Institusi ini merupakan pusat pengumpulan harta bagi umat Islam, hasilnya dipungut

⁴⁵ Munīr Hasan Abd al-Qādir `Adwān (2007), *Muassasah Bayt al-Māl fī Ṣadr al-Islām*, Tesis M.A, Jami'ah al-Najāh al-Waṭaniyyah, Nablus, h. 47.

daripada zakat, *kharaj*, harta rampasan perang, cukai, wakaf dan lain-lain lagi.⁴⁶ Hasil yang dikumpulkan di baitulmal akan dibahagikan secara adil kepada pihak-pihak yang memerlukan antaranya orang fakir, miskin, anak-anak yatim dan juga ibu bapa yang tidak berkemampuan. Contohnya berlaku pada zaman Khalifah Umar al-Khaṭṭāb, baitulmal diuruskan secara sistematik melalui sumber dana yang dikelaskan iaitu *kharaj*, *fai'*, zakat, rampasan perang dan lain-lain. Pembahagian hasil dana ini diutamakan kepada golongan yang memerlukan sebelum disusuli dengan pihak-pihak yang lain.⁴⁷ Malah, pada zaman Khalifah Abu Bakr, dana baitulmal diagihkan kepada pihak yang terlibat sehingga tidak ada baki.⁴⁸ Firman Allah S.W.T:

﴿وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُمْ مِّن شَيْءٍ فَإِنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ إِن كُنْتُمْ ءَامَنْتُمْ بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ الْفُرْقَانِ يَوْمَ التَّقَىٰ أَتَجْعَلُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾

(Al-Anfāl: 8:41)

Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah dan untuk RasulNya dan untuk kerabat (Rasulullah) dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin, serta ibnus-sabil (orang musafir yang keputusan), jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan oleh Kami (Allah) kepada hamba Kami (Muhammad) pada Hari Al-Furqan, iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera (Islam dan kafir, di medan perang Badar) dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

⁴⁶ Rāghib Sarjānī, Bayt al-Māl fī 'Aṣr al-Naby wa al-Khulafā' al-Rāshidīn, <http://islamstory.com/ar>, dirujuk pada 22 Oktober 2015

⁴⁷ Abī al-Farj Abd al-Raḥmān b. 'Alī b. Muḥammad Ibn Jauzī (t.t), *Manāqib Amīr al-Mukminin Umar al-Khaṭṭāb*, Iskandariyah: Dār Ibn Khadūn, h. 76.

⁴⁸ Muḥammad b. Sa'ad b. Muni' al-Zuhrī (2001), *Kitāb al-Ṭabaqāt al-Kubrā*, ed. 'Alī Muḥammad Umār j. 3, Qāherah: Maktabah al-Khanjī, h. 195.

Ayat ini jelas menggambarkan bahawa, pembahagian hasil daripada rampasan perang hendaklah diurus selia oleh baitulmal sebelum dibahagikan satu perlima kepada golongan yang disebut.⁴⁹

b) Harta pusaka

Harta pusaka adalah merupakan hak harta yang boleh dibahagikan kepada waris apabila kematian pemilik harta tersebut mengikut syarak.⁵⁰ Pihak yang mewarisi harta si mati terdiri daripada suami isteri, kaum keluarga dan wala' (pembebasan hamba).⁵¹ Berdasarkan kepada senarai golongan yang bakal mendapat harta pusaka, ibu bapa tergolong dalam kaum keluarga. Hak ibu bapa dinyatakan secara jelas di dalam al-Quran. Firman Allah S.W.T :

﴿يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَّاتِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا الشُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبُوَاهُ فَلِلْأُمِّهِ الثُّلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِلْأُمِّهِ الشُّدُسُ﴾

(Al-Nisa' 4:11)

Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih daripada dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam.

⁴⁹ Munīr Hasan Abd al-Qādir 'Adwān (2007), *Muassasah Bayt al-Māl fī Ṣadr al-Islām*. Tesis M.A, Jami'ah al-Najāh al-Waṭaniyyah, Nablus, h. 49.

⁵⁰ Nabīl Kamāl al-Dīn Ṭahūn (t.t), *Aḥkām al-Mawārīth fī al-Sharī'ah al-Islāmyyah*, Jeddah: Maktabah al-Khidmat al-Ḥadīthah, h. 19.

⁵¹ *Ibid.*

Kefarduan berkadar ditentukan oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran ini adalah untuk memastikan supaya hak pewarisan dibahagikan secara adil. Hak ibu bapa dalam pewarisan harta pusaka menurut dalil di atas adalah satu perenam jika yang meninggal mempunyai anak. Sekiranya si mati tidak mempunyai anak, maka ibu bapa berhak menerima satu pertiga daripada harta. Kandungan ayat menerangkan secara terperinci tentang pembahagian harta pusaka memberi dalil bahawa, Islam sangat menitikberatkan hal ehwal pemilikan harta dan perlindungan ekonomi kepada kaum kerabat termasuklah ibu bapa yang ketiadaan waris.⁵²

c) Zakat

Zakat bermaksud melaksanakan ibadat kerana Allah S.W.T dengan mengeluarkan hak wajib yang telah disyariatkan daripada harta pada waktu khusus ke atas golongan tertentu mengikut syarat yang telah ditetapkan.⁵³ Kriteria penerima zakat dijelaskan oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran. Firman Allah S.W.T :

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ﴾

(Al-Taubah 9:60)

Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil-amil yang menguruskannya, orang-orang muallaf yang ditenangkan hatinya, hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, orang-orang yang berhutang, orang berjuang di jalan Allah, dan orang-orang musafir dalam perjalanan. Ini adalah ketetapan daripada Allah. Dan Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Oleh itu, Ibu bapa ketiadaan waris yang menepati ciri-ciri penerima zakat disebut dalam ayat di atas akan beroleh perlindungan

⁵² Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (t.t), *Al-Mawārith fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah fī Dawī al-Kitāb wa al-Sunnah*, Misr: Dār al-Ḥadīth, h. 33.

⁵³ Sa'īd b. `Alī b. Wahaf al-Qaḥṭāwī (2010), *Al-Zakah fī al-Islām fī Daw i al-Kitāb wa al-Sunnah*, Qaṣab: Markaz al-Da'wah wa al-Irshād, h. 8.

melalui institusi zakat. Institusi ini akan beroperasi sebagai perlindungan ekonomi dan kebajikan sosial bagi umat Islam.⁵⁴

d) Wakaf

Istilah ini diertikan sebagai pembekuan hak milik bagi tujuan menyedekahkan kegunaan dan faedahnya.⁵⁵ Kegunaan dan faedahnya pula tidak terhad kepada pihak tertentu sahaja, namun wakaf adalah untuk semua orang miskin memerlukan, orang berjuang di jalan Allah, hamba-hamba yang memerdekakan dirinya dan lain-lain lagi.⁵⁶ Apabila ibu bapa memenuhi kriteria yang dinyatakan iaitu tidak berkemampuan, maka mereka berhak menerima wakaf daripada pihak pewakaf. Pensyariatan wakaf berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Rasulullah S.A.W bersabda:

أن عمر بن الخطاب أصاب أرضاً بخيبر، فأتى النبي صلى الله عليه وسلم يستأمره فيها، فقال: يا رسول الله، إني أصبت أرضاً بخيبر لم أصب مالا قط أنفس عندي منه، فما تأمر به؟ قال: "إن شئت حبست أصلها، وتصدقت بها" قال: فتصدق بها عمر، أنه لا يباع ولا يوهب ولا يورث، وتصدق بها في الفقراء، وفي القربى وفي الرقاب، وفي سبيل الله، وابن السبيل، والضيف لا جناح على من وليها أن يأكل منها بالمعروف، ويطعم غير متمول

Sesungguhnya Umar memiliki tanah di Khaibar, lalu beliau mendatangi Rasulullah seraya berkata: "Saya mempunyai tanah, dan sebelum ini saya tidak pernah memiliki sesuatu yang disukai dan lebih berharga daripada tanah itu, maka apa yang ingin engkau perintahkan kepada saya?" Rasulullah bersabda, "Sekiranya kamu perlu, maka kamu boleh mewakafkan pokok lalu menyedekahkannya," Maka Umar mewakafkan tanah itu, tidak untuk dijual atau diberi

⁵⁴ Muḥammad Shawqī al-Fanjārī (1990), *Al-Islām wa al-Ḍamān al-Ijtimā'ī*, Miṣr: Al-Hai'ah al-Miṣriyyah al-'Ammah li al-Kitāb, h. 36.

⁵⁵ 'Alī b. Muḥammad al-Jurjānī (t.t), *Kitāb al-Ta'rīfāt* (Jeddah: Al-Ḥaramain li Ṭibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzī', t.p, h. 253.

⁵⁶ Muḥammad Abū Zahrah (1959), *Muḥāḍarāt fī al-Waqf*, t.t: Jāmi'ah al-Dwal al-'Arabiyya, h. 8.

melainkan hasilnya dibahagikan kepada fakir miskin, keluarga, tetamu dan orang-orang yang musafir. Tidak berdosa bagi sesiapa yang menguruskannya mengambil daripadanya dengan cara yang baik, memberi makan daripadanya dan bukanlah untuk mengumpul harta.⁵⁷

Anjuran Rasulullah S.A.W supaya berwakaf dan hasilnya dibahagikan kepada golongan yang dinyatakan tadi merelevenkan instrumen ini bahawa, wakaf merupakan salah satu perlindungan kepada ibu bapa apabila ketiadaan waris.

e) Sedekah

Sedekah merupakan suatu pemberian secara sukarela dengan niat mendapatkan pahala daripadanya.⁵⁸ Pemberian sedekah diberikan kepada golongan-golongan yang memerlukan sama ada ibu bapa, ahli keluarga, anak yatim, orang miskin, orang yang bermusafir dan lain-lain lagi. Golongan tersebut dinyatakan secara jelas di dalam al-Quran. Firman Allah S.W.T:

﴿يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلْ مَا أَنْفَقْتُ مِنْ خَيْرٍ فَلِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ
عَلِيمٌ﴾

(Al-Baqarah 2: 215)

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: "Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada: Kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan (ingatlah), apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa

⁵⁷ Hadis riwayat al-Bukhārī, *Kitab al-Shurūṭ*, Bab al-Shurūṭ fī al-Waqf, Hadis no. 2737, Lihat Abī Abd Allah Muḥammad b. Ismā'īl al-Bukhārī (t.t), *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, ed. Muḥibbu al-Dīn al-Khāṭib, j. 2, Qāherah: al-Maṭba'ah al-Salafiyyah wa Maktabuhā, h. 285.

⁵⁸ Sa'īd b. 'Alī b. Waḥaf al-Qaṭānī (2005), *Ṣadaqaḥ al-Taṭawwu' fī al-Islām*, Riyāḍ: Muassash al-Jārīsī, h. 5.

mengetahuinya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya).

Merujuk kepada ayat di atas, Ibnu 'Ashur menjelaskan bahawa, ayat ini diturunkan selepas Allah S.W.T menfardukan zakat. Manakala infāq yang dimaksudkan dalam nas ini kembali kepada pemberian nafkah secara sukarela bermaksud sedekah.⁵⁹ Berpandukan kepada ayat ini juga, ibu bapa berada dalam tingkatan pertama untuk diberi pertolongan sekiranya mereka dalam keadaan tidak berkemampuan. Hal ini juga selaras dengan satu hadis menerangkan keutamaan memberikan nafkah kepada kaum keluarga melebihi orang miskin.

Rasulullah S.A.W bersabda:

إن الصدقة على المسكين صدقة، وعلى ذي الرحم اثنتان صدقة وصلة
*Sesungguhnya memberikan sedekah kepada orang miskin akan mendapat ganjaran sedekah. Manakala orang yang memberikan sedekah kepada kaum keluarga akan mendapat dua ganjaran iaitu sedekah dan perhubungan silaturrahim.*⁶⁰

Pemberian sedekah secara sukarela tanpa paksaan dapat mewujudkan satu suasana keharmonian umpama satu keluarga besar yang saling menolong antara satu sama lain.⁶¹ Selain itu, dapat meringankan bebanan golongan yang memerlukan terutama ibu bapa.

BENTUK-BENTUK NAFKAH IBU BAPA

Dalam syarak, tidak ditetapkan bentuk-bentuk nafkah kepada ibu bapa secara terperinci. Namun bertitik tolak daripada nas mengikut konteks usul fiqh, sebahagian daripada bentuk nafkah dijelaskan. Berdasarkan perbincangan usul fiqh, terdapat satu cabang yang dikenali sebagai

⁵⁹ Muḥammad al-Ṭāhir Ibnu 'Ashūr, (1984), *Tafsīr Tahrīr wa Tanwīr*, j. 2, Tunis: Dar al-Tūnisiyyah, h. 317.

⁶⁰ Hadis riwayat al-Nasāī, Kitab al-Zakah, Bab al-Sadaqah 'ala al-Aqārib, Hadis no. 2581, Lihat Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Bānī (1998), *Ṣaḥīh Sunan al-Nasāī*, j. 2, Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif, h. 223.

⁶¹ Sa'īd b. 'Alī b. Waḥaf al-Qaḥṭānī (2005), *Ṣadaqah al-Taṭawwu' fī al-Islām*, Riyāḍ: Muassash al-Jārīsī, h. 15.

penelitian lafaz nas ke atas hukum (دلالة الألفاظ على الأحكام), salah satu pembahagiannya adalah *mafḥūm muwāfaqah*.⁶² Firman Allah S.W.T:

﴿وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَدَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتِمَّ الرَّضَاعَةَ
وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ﴾

(Al-Baqārah 2:233)

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.

Berdasarkan kepada ayat ini, maksud asal ditujukan kepada pemberi nafkah iaitu ayah.⁶³ Namun mengikut konteks mafḥūm muwāfaqah, sekiranya ayah wajib untuk memberikan makanan dan pakaian kepada anak-anak, maka menjadi keutamaan dan tanggungjawab lagi besar bagi anak-anak untuk memberikan keperluan kepada ibu bapa, sama ada makanan dan pakaian. Apatah lagi ibu bapa yang tidak berkemampuan dan memerlukan sokongan daripada anak-anak.⁶⁴

Di dalam ayat yang lain, Allah S.W.T berfirman:

﴿وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ
بِالْجُنُبِ وَأَنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ
مُخْتَالًا فَخُورًا﴾

(Al-Nisa' 4:36)

Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang

⁶² Maksudnya penelitian terhadap lafaz untuk mensabitkan hukum yang dinyatakan nas dan juga didiamkan nas kerana kedua-duanya mempunyai sebab hukum yang sama.

⁶³ *I'rāb al-Qurān*

⁶⁴ Wahbah al-Zuhayli (2010), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, j. 1, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 349.

miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri;

Imam al-Sa'dī menafsirkan kalimah "وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا" ialah penggunaan perkataan yang baik, panggilan yang lunak, taat apabila disuruh, tinggal apa yang dilarang dan memberikan nafkah kepada mereka.⁶⁵ Pemberian nafkah kepada ibu bapa dihuraikan secara umum dan merangkumi kesemua keperluan bagi mereka.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa, bentuk-bentuk nafkah kepada ibu bapa yang sesuai mengikut konteks semasa selaras dengan nas syarak adalah makanan, pakaian, tempat tinggal dan perubatan. Penyediaan bentuk-bentuk nafkah ini juga bergantung kepada kemampuan anak-anak yang berbeza antara satu sama lain. Hal ini bertepatan dengan pandangan al-Qurtubī dan al-Tanṭāwī bahawa, nafkah yang perlu ditunaikan kepada mereka yang berhak berpanduan kepada masalah dan adat kebiasaan yang dihalalkan oleh Allah S.W.T.⁶⁶

MAQĀṢID PENSYARIATAN NAFKAH IBU BAPA

Penetapan sesuatu hukum dalam Islam mempunyai hikmah dan tujuan tersendiri. Maqasid bermaksud matlamat perbuatan yang dilakukan secara baik yang disuruh oleh Allah S.W.T.⁶⁷ Merujuk kepada isu yang dibincangkan, objektif pensyariatn nafkah tidak disebut secara jelas dalam nas. Namun, hikmah tersebut terhasil daripada intipati dan kandungan nas. Contohnya dalam surah al-Isrā' ayat 23, nas ini menyuruh anak-anak supaya menjaga dan memelihara kedua ibu bapa mereka apabila sudah tua dan tidak bermaya. Objektif utama suruhan tersebut adalah untuk merealisasikan nilai-nilai persaudaraan sesama Islam. Disamping itu, terdapat objektif sampingan iaitu menghalang daripada terjadinya perbalahan dan pertengkaran khususnya sesama keluarga. Klasifikasi objektif secara

⁶⁵ `Abd al-Raḥmān b. Nāṣir al-Sa'dī (t.t), *Taysīr al-Karīm al-Raḥmān fī Tafsīr Kalām al-Manān*, ed. Muḥammad Zuhūrī al-Najjār, j. 1, Jeddah: Dār al-Madani, h. 346.

⁶⁶ Abī Abd Allah Muḥammad b. Aḥmad b. Abī Bakr al-Qurtubī (2006), *Al-Jāmi' li Ahkām al-Quran*, ed. Abd Allah b. Abd al-Muḥsin al-Turk (Bayrūt: Muassasah al-Risālah, h. 57.

⁶⁷ Yūsuf Aḥmad Muḥammad al-Badawī, (t.t), *Maqāṣid al-Sharī'ah 'Inda Ibn Taimiyyah*, Amman: Dār Nafāis, t.t. h. 50.

utama dan sampingan ini selaras dengan idea Imam Syātibī yang telah mengkategorikan objektif syarak kepada objektif asal dan sampingan.⁶⁸

Suruhan untuk membiayai nafkah kepada ibu bapa adalah salah satu daripada sifat kebaikan dan ihsan. Gesaan ini selaras dengan al-Quran yang menyuruh untuk memberikan nafkah kepada golongan yang memerlukan.⁶⁹ Selain itu, usaha ini dapat menghubungkan dan mengeratkan lagi tali silaturrahim khususnya sesama keluarga. Ulama sepakat bahawa hukum menghubungkan tali silaturrahim adalah wajib.⁷⁰ Kewajipan ini juga akan mendatangkan ganjaran pahala yang besar disisi Allah S.W.T kepada pelakunya. Firman Allah S.W.T:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا﴾

(Al-Nisa' 4:1)

Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

Yang dimaksudkan ayat di atas menurut Ibnu `Arabī adalah cara untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah S.W.T dengan menjauhi tindakan memutuskan hubungan silaturrahim. Selain itu, Ibnu `Arabī menjelaskan

⁶⁸ Abu Ishāq Ibrāhīm b. Mūsā b. Muḥammad al-Lakhimī al-Syātibī (1997), *Al-Muwāfaqāt*, ed. Abū `Ubaidah Masyhūr b. Ḥasan al-Salamān, j. 2. Sa`udi: Dar Ibnu `Affān, h. 151.

⁶⁹ Muḥammad `Uqlah (2002), *Nizām al-Usrah fī al-Islām*, j. 3, Amman: Maktabah al-Risālah al-Ḥadīthah, h. 490.

⁷⁰ Abī Bakr Muḥammad b. Abd Allah al-Ma`rūf bi Ibn `Arabī (t.t), *Aḥkām al-Quran*, ed. Muḥammad Abd al-Qādir `Aṭa', j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 401.

lagi bahawa, ayat ini adalah umum namun boleh dikhususkan kepada golongan bapa ke atas, golongan anak-anak ke bawah dan sanak saudara.⁷¹

KESIMPULAN

Ibu bapa adalah merupakan anugerah yang tidak ternilai kepada anak-anak. Adalah menjadi kewajipan kepada anak-anak untuk memastikan kesemua tanggungjawab ditunaikan sebaik mungkin selaras dengan syarak. Oleh sebab itu, nas memberikan huraian yang jelas tentang tuntutan pemberian nafkah terhadap ibu bapa, lengkap dengan syarat, bentuk serta hak nafkah ibu bapa kelainan agama. Selain itu juga, nas menyediakan alternatif perlindungan apabila ketiadaan waris iaitu melalui baitulmal, harta pusaka, wakaf, zakat dan sedekah. Sejajar dengan itu, konsep nafkah ibu bapa yang diterapkan oleh syarak bersesuaian dengan amalan setempat dan selaras dengan objektif pensyariatannya.

Oleh yang demikian, membiarkan dan menafikan hak nafkah ke atas ibu bapa adalah merupakan satu dosa besar bagi anak-anak yang melakukannya. Malah, telah menyimpang daripada uruf dan adat setempat yang dipenuhi dengan sifat memuliakan ibu bapa.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran.

Aḥmad al-`Āyid et al (t.t), *Al-Mu`jam al-`Arabiyy al-Asāsī*, t.tp.: Lārūs al-Manẓimah al-`Arabiyyah Li Tadribiyyah wa al-Thaqāfah wa al-`Ulūm.

Aḥmad Muḥammad Namir Abū `Arjah, (2009), *Man lā Tajīb Lahum al-Nafqah fī al-Fiqh al-Islāmī wa Taṭbīqātuha fī al-Maḥākīm al-Shar`iyyah fī Qiṭa` al-Ghazzah*, Tesis M.A, Universiti Islam Gaza

Al-`Ainī, Abī Muḥammad Maḥmūd, (1990), *al-Bināyah fī Syarḥ al-Hidāyah*, 5 j, Bayrūt: Dār al-Fikr.

Al-`Asqalānī, Aḥmad b. Alī b. Hajar, (2000), *Fath al-Bārī*, Abd al-Qādir Shaibah al-Ḥamd, 5 j. Riyāḍ: Ṭaba` `Ala Nafqah Ṣāhib al-Samiw al-Malakī.

⁷¹ *Ibid.*

- Al-Buhūtī, Maṣṣur b. Yunus b. Idrīs, (2000), *Syarḥ al-Muntahā al-Iradāt Daqāiq Ūlā al-Nuhā li Syarḥ al-Muntahā*, ed. `Abd Allah b. Abd Muḥsin al-Turkī, 5 j. Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Al-Bukhārī, Abī Abd Allah Muḥammad b. Ismā`il, (t.t), *Al-Jāmi` al-Ṣaḥīḥ*, ed. Muḥibbu al-Dīn al-Khāṭib, j. 5 Qāherah: al-Maṭba`ah al-Salafiyyah wa Maktabuhā.
- Al-Karmānī, Muḥammad b. Yūsuf Shams al-Dīn, (1937), *Al-Kawākib al-Darārī fī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muḥammad Muḥammad Abd al-Laṭīf, 11 j. Qāherah: Al-Maṭba`ah al-Bahiyyah al-Miṣriyyah.
- Al-Kāsānī, `Alā` al-Dīn Abī Bakar b. Maṣ`ūd, (1986), *Badāi` al-Ṣanāi` fī Tartīb al-Sharāi* 5 j. Bayrūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Al-Kashmīrī, Muḥammad Anwār Shah ibn Mu`aẓẓam Shah, (2004), *Al-Urfu al-Shaddhi Syarḥ Sunan al-Tirmidhi*, ed. Maḥmūd Shakir, 3 j. Bayrūt: Dār Iḥya` Turath `Arabī.
- Al-Maqdisī, Abī Muḥammad `Abd Allah b. Aḥmad b. Muḥammad b. Qudāmah, (1997), *Al-Mughnī*, ed. `Abd Allah b. `Abd al-Muḥsin al-Turkī dan `Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Ḥalw, j. 2, Riyāḍ: Dār `Ālam al-Kutub.
- Al-Marbawī, Muḥammad Idrīs Abd al-Rauf, (1998), *Kamus Idrīs al-Marbawī*, Kuala Lumpur: Dār al-Nu`mān.
- Al-Qaḥṭānī, Sa`īd b. `Alī b. Waḥaf, (2005), *Ṣadaqah al-Taṭawwu` fī al-Islām*, Riyāḍ: Muassash al-Jārīsī.
- Al-Raṣā`, Abī Abdullah Muḥammad al-Anṣārī, (1993), *Syarḥ Hudūd Ibn `Arafah al-Mausūm al-Hidāyah al-Kāfiyah al-Shāfiyah li Bayān Ḥaqāiq al-Imām Ibn `Arafah al-Wāfiyyah*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Sa`di, `Abd al-Raḥmān b. Nāṣir, (2009), *Taysīr al-Karīm al-Raḥmān fī Tafṣīr Kalām al-Manān*, j. 1, Maṣṣurah: Dār al-Ghad al-Jadīdah.
- Al-Zuhailī, Wahbah, (1999), *Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, j. 1, Dimashq: Dār al-Fikr.

- Al-Zuhrī, Muḥammad b. Sa`ad b. Muni`, (2001), *Kitāb al-Ṭabaqāt al-Kubrā*, ed. `Alī Muḥammad Umār, j. 3, Qāherah: Maktabah al-Khanjī.
- Atabk Ali dan Ahmad Zuhdi Muhdlor, (1996), *Kamus Kontemporer Arab – Indonesia*, Yogyakarta, Yayasan Ali Maksum Pondok Pesantren Krapyak.
- Haji Dusuki Haji Ahmad, (2012), *Kamus Pengetahuan Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ibn Jauzi, Abī al-Farj Abd al-Raḥmān b. `Alī b. Muḥammad, (t.t), *Manāqib Amīr al-Mukminin Umar al-Khaṭṭāb*, Iskandariyah: Dār Ibn Khadūn.
- Ibnu `Ashūr, Muḥammad al-Ṭāhir, (1984), *Tafsīr Taḥrīr wa Tanwīr*, j. 21, Tunis: Dar al-Tūnisiyyah.
- Ibnu Manẓūr, (1998), *Lisān al-Arab*, j. 8, Bayrūt: Dār Iḥyā' Turath `Arabī.
- Maḥmūd Abd al-Raḥmān Abd al-Mun`in, (t.t), *Mu`jam al-Muṣṭalaḥāt al-Fiḥiyyah*, j. 3, Qaherah: Dār al-Faḍīlah.
- Al-Ṣābūnī, Muḥammad `Alī, (t.t), *Al-Mawārīth fī al-Sharī`ah al-Islāmiyyah fī Dawī al-Kitāb wa al-Sunnah*, Misr: Dār al-Ḥadīth.
- Muḥammad al-Khaḍarī Bik, (1969), *Uṣūl al-Fiḥ*, Miṣr: Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā.
- Munīr Hasan Abd al-Qādir `Adwān, (2007), *Muassasah Bayt al-Māl fī Ṣadr al-Islām*. Tesis Ma, Jami`ah al-Najāh al-Waṭaniyyah, Nablus.
- Nabīl Kamal al-Dīn Ṭaḥūn, (t.t), *Aḥkām al-Mawārīth fī al-Sharī`ah al-Islāmiyyah*, Jeddah: Maktabah al-Khidmat al-Ḥadīthah.
- Islam Story, *Bayt al-Māl fī `Aṣr al-Naby wa al-Khulafa' al-Rāshidīn*. www.islamstory.com/ar, dirujuk pada 22 Oktober 2015.
- Rāid b. Ṣabri Ibn Abī `Alafah, (2007), *Shuruḥ Sunan Ibn Mājah*, Amman: Bait al-Afkār al-Dawliyyah, 2007, 884.
- Teuku Iskandar et. al, “Kamus Dewan Edisi Ke-Empat” (2007), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.